



17 Jun 2021  
17 June 2021  
P.U. (B) 338

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PENETAPAN DI BAWAH SEKSYEN 5

*DESIGNATION UNDER SECTION 5*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

## AKTA MENTERI KEWANGAN (PEMERBADANAN) 1957

## PENETAPAN DI BAWAH SEKSYEN 5

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 5 Akta Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957 [*Akta 375*], Menteri menetapkan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, dan Setiausaha dan Timbalan Setiausaha, bahagian yang bertanggungjawab bagi hal ehwal Menteri Kewangan (Pemerbadanan), Kementerian Kewangan, sebagai pegawai—

(a) yang di hadapannya semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berkaitan dengan pentadbiran dan pelaksanaan apa-apa keputusan yang dibuat oleh Menteri Kewangan bagi maksud menyampaikan, melaksanakan atau menyempurnakan keputusan yang dibuat oleh Perbadanan yang memerlukan meterai Perbadanan hendaklah dimeteraikan; dan

(b) yang dari kalangan mereka sekurang-kurangnya dua hendaklah menandatangani semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang padanya meterai itu dicapkan.

2. Penetapan di bawah Seksyen 5 [*P.U. (B) 336/2011*] yang disiarkan dalam *Warta* pada 22 Jun 2011 dibatalkan.

3. Walau apa pun perenggan 2, apa-apa tindakan yang telah diambil oleh Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Sistem & Kawalan), dan Setiausaha dan Timbalan Setiausaha, Bahagian Pelaburan, MKD dan Penswastan di bawah P.U. (B) 336/2011 bagi tempoh 1 Januari 2014 hingga 17 Jun 2021 hendaklah disifatkan telah diambil oleh Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, dan Setiausaha dan Timbalan Setiausaha, bahagian yang bertanggungjawab bagi hal ehwal Menteri Kewangan (Pemerbadanan) sebagai pegawai yang ditetapkan di bawah seksyen 5 Akta di bawah Penetapan ini.

Bertarikh 15 Jun 2021

[MOF.GIC(S)600-43/3/153; PN(PU2)246/II]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ  
*Menteri Kewangan*

MINISTER OF FINANCE (INCORPORATION) ACT 1957

DESIGNATION UNDER SECTION 5

IN exercise of the powers conferred by section 5 of the Minister of Finance (Incorporation) Act 1957 [Act 375], the Minister designates the Secretary General to the Treasury, Deputy Secretary General to the Treasury, and Undersecretary and Deputy Undersecretary, of the division responsible for the affairs of the Minister of Finance (Incorporation), Ministry of Finance, as the officers—

(a) in whose presence all deeds, documents and other instruments in connection with the administration and implementation of any decisions made by the Minister of Finance for the purpose of conveying, implementing or executing the decision made by the Corporation requiring the seal of the Corporation shall be sealed; and

(b) from among whom at least two shall sign all such deeds, documents and other instruments to which the seal is affixed.

2. The Designation under Section 5 [P.U. (B) 336/2011] published in the *Gazette* on 22 June 2011 is revoked.

3. Notwithstanding paragraph 2, any action taken by the Deputy Secretary General to the Treasury (System & Control), and Undersecretary and Deputy Undersecretary, of the Investment, MOF (Inc.) and Privatization Division under P.U. (B) 336/2011 for the period of 1 January 2014 to 17 June 2021 shall be deemed to have been taken by the Deputy Secretary General to the Treasury, and Undersecretary and Deputy Undersecretary, of the division responsible for the affairs of the Minister of Finance (Incorporation) as the designated officer under section 5 of the Act under this Designation.

Dated 15 June 2021  
[MOF.GIC(S)600-43/3/153; PN(PU2)246/II]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ  
*Minister of Finance*